

# Luth, Irfan ceriakan kem olahraga

**Palembang:** Dua emas lagi berjaya dituai skuad olahraga negara pada hari kedua acara itu di Stadium Jakabaring, semalam.

Mohd Luth Hamizan muncul juara acara 3,000 meter berhalangan untuk mengekalkan emas dimenangnya dalam temasya sama dua tahun lalu.

Pemegang rekod kebangsaan, Muhammad Irfan Shamsuddin pula menceriakan kem negara apabila menepati sasaran untuk meraih emas dalam acara lempar cakera.

Irfan melakukan lontaran sejauh 53.63 meter untuk mengatasi Narong Benjaron dari Thailand (51.08m) dan Hardo di Sihombing dari Indonesia yang melakukan 45.45m.

“Persiapan saya tidak sama seperti Sukan Asia kerana badan saya masih belum bersedia sepenuhnya, saya jangkakan hanya boleh melakukan sekitar 50 atau 51 meter saja,” katanya yang memegang rekod kebangsaan dengan 54.26m.

## **Pecah rekod**

Bagi Mohd Luth pula, dia memang mengharapkan dapat mencipta emas untuk mengu-



*Luqman hanya mampu meraih gangsa dalam acara lompat jauh lelaki.*

lanti catatan dua tahun lalu tetapi gagal mencapai sasaran peribadi untuk mengatasi masa terbaik tahun ini 9 minit 30 saat pada Terbuka Singapura Oktober lalu.

“Sekarang saya tidak berada pada tahap terbaik kerana sasaran utama ialah pada Sukan SEA tahun depan,” kata pe-

lajar Universiti Putra Malaysia berusia 22 tahun itu yang melakukan 9:46.73s.

Mohd Luth memiliki catatan peribadi terbaik 9:22s dilakukan pada AUG dua tahun lalu.

Katanya, dia mengharapkan akan cemerlang pada Sukan SEA tahun depan dan berupa-

ya memecahkan rekod kebangsaan 8:59s yang masih dipegang N Shanmuganathan.

Secara keseluruhan Malaysia memungut dua emas dan dua gangsa semalam dengan gangsa masing-masing diraih Luqman Hakim Ramlan (lompat jauh lelaki) dan Yap Sean Yee (lompat tinggi wanita).